

**Ekonomi Malaysia diunjur 5 peratus – AmResearch
Utusan Online
Januari 12, 2012**

KUALA LUMPUR 11 Jan. — Ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak lima peratus tahun ini, kata AmResearch Sdn Bhd.

Firma penyelidikan itu juga yakin negara ini boleh mengekalkan pertumbuhan tambahan sebanyak lima peratus hingga enam peratus dalam suku akhir 2011.

Pakar Ekonomi Kanannya, Manokaran Mottain berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia berkemungkinan kekal kukuh meskipun keadaan ekonomi global tidak menentu sekarang.

"Kami mengekalkan pandangan kami bahawa permintaan domestik, terutamanya penggunaan dan pelaburan swasta, akan menyokong pertumbuhan KDNK dalam suku-suku tahun akan datang," katanya dalam Sesi Taklimat Kemaskini Ekonomi di sini hari ini.

Beliau berkata, pelaksanaan projek-projek dalam Program Transformasi Ekonomi yang diumumkan tahun lepas serta pelancaran projek-projek baharu selanjutnya yang dikenal pasti bagi tahun ini akan mengekalkan momentum ekonomi domestik.

Manokaran berkata, dasar fiskal memainkan peranan penting dalam prestasi negara, walaupun kerajaan tetap komited kepada pengurusan berhemah tanpa menjejaskan kestabilan momentum pertumbuhan.

"Di bawah Belanjawan 2012, kerajaan komited terhadap usaha mengurangkan defisit fiskal kepada 4.7 peratus KDNK tahun ini daripada anggaran 5.4 peratus pada 2011," katanya.

Beliau berkata, paras inflasi yang lebih rendah serta keadaan pasaran buruh yang baik akan juga membantu memberikan sokongan selanjutnya memandangkan kemerosotan permintaan luar negara yang mungkin berlaku.

Manokaran berkata, sektor perkilangan domestik dan permintaan luar negara dijangka terus tidak menentu dalam bulan-bulan yang akan datang disebabkan oleh krisis di zon euro sekarang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0112&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_03.htm